

Negara terus berada dalam keadaan aman

# PM SERU UMAT ISLAM BERSYUKUR

UM 15 APR 1991

**KUALA LUMPUR 15 April** — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, malam ini menggesa umat Islam bersyukur kerana negara terus berada dalam keadaan aman dan stabil berbanding dengan banyak negara lain yang sedang melalui berbagai masalah.

Perdana Menteri berkata, sedang masyarakat berbilang kaum di negara ini hidup aman damai dalam pertumbuhan ekonomi yang sihat, terdapat rakyat negara lain yang menderita akibat peperangan dan masalah lain.

Oleh itu, kata beliau, adalah penting kestabilan politik dan hubungan baik antara kaum sentiasa dipupuk untuk meningkatkan lagi pembangunan, sekaligus mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

"Setelah melihat bagaimana rusuhan yang dahsyat berlaku kerana perkauman di beberapa negara, kita patut menghargai keharmonian kita dan memelihara keharmonian ini dengan baik," ujarnya dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri menerusi ETM malam ini.

Rakyat juga bernasib baik kerana ekonomi negara adalah kukuh dan kadar pertumbuhan ekonomi adalah tinggi dan tidak banyak negara di dunia, termasuk negara - negara maju, yang berjaya mencatat pertumbuhan seperti Malaysia, kata Perdana Menteri.

Ini adalah satu rahmat, katanya, sambil menyebut bahawa pencapaian ini adalah hasil daripada langkah - langkah bijak serta berani oleh kerajaan bersama rakyat dan untuk menjamin ekonomi negara terus berkembang pesat, adalah penting rakyat mengambil kesempatan daripada keamanan dan kestabilan negara dengan bekerja kuat dan beramanah.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga mahukan umat Islam melipatgandakan usaha untuk memperbaiki dan mengukuhkan kedudukan diri.

"Allah tidak menentukan bahawa bahagian umat Islam di dunia kurang daripada yang bukan Islam. Allah juga tidak menentukan bahawa orang Islam dihina di dunia sebelum mereka mendapat kebahagiaan di akhirat," katanya.

Menurut beliau, kelemahan orang Islam yang terdapat pada zaman ini bukan kerana kehendak agama.

Antara sebab - sebab kelemahan dan kegagalan orang Islam dalam pelbagai bidang ialah kerana mereka lebih mengutamakan meminta - minta daripada Tuhan tanpa berusaha sendiri, ujar beliau.

"Jika umat Islam tidak mengubah amalan ini mereka akan menjadi seperti pengemis yang tidak berupaya apabila tidak diberi bantuan," kata beliau.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan umat Islam bahawa mereka harus sedar ada pihak yang memberi bantuan

**LIHAT MUKA 2**

UM 6 APR 1991

## PM SERU UMAT ISLAM BERSYUKUR

kepada orang Islam kerana ingin melihat orang Islam terus lemah dan mudah diperalatkan.

Kata beliau, tidak ada gunanya umat Islam menyalahkan mereka kerana itu adalah naluri manusia.

"Jika kita sedar bahawa bantuan mereka adalah kerana kepentingan mereka, maka kitalah yang harus bertindak supaya tidak lagi perlu bergantung kepada mereka.

"Mengadakan acara mengutuk mereka, tidak akan menjadikan kita lebih kuat dan bebas," tegas beliau.

Justeru itu, Perdana Menteri mengingatkan, perpaduan di kalangan muslimin dan muslimat adalah juga penting jika umat Islam ingin maju dan dihormati.

Umat Islam akan menjadi lemah dan tidak berupaya mencapai kemajuan jika tidak bersatu, tambah beliau.

"Kita telah melihat apa yang boleh berlaku apabila umat Islam berpecah dan bermusuh sesama sendiri.

"Tidak ada satupun kebaikan daripadanya. Hasil yang jelas ialah musuh Islam menjadi lebih kuat dan angkuh.

Oleh itu marilah kita di hari yang mulia mempertingkatkan azam dan usaha untuk memperkukuhkan lagi silaturahim di kalangan umat Islam," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir merakamkan penghargaannya dan kerajaan kepada anggota - anggota pasukan keselamatan serta pekerja - pekerja di jabatan - jabatan tertentu yang terpaksa berugas seperti biasa pada Aidilfitri.

"Kita menghargai tugas yang dijalankan oleh mereka yang membolehkan kita berhari raya.

"Kita berdoa semoga mereka dilindungi Allah dan sentiasa sihat dan selamat," kata beliau.

Perdana Menteri turut mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam dan percaya mereka yang bukan beragama Islam akan turut merayakan hari yang mulia ini dengan rakan - rakan Islam mereka.

"Mudah - mudahan ini akan mengeratkan lagi persefahaman dan perpaduan di kalangan rakyat di negara ini," ujar beliau.